



**KETUA PENGARAH
PLANMalaysia**
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8091 0000
Laman Web: www.planmalaysia.gov.my
E-mel: alias@planmalaysia.gov.my

Rujukan Kami : JPBD.BK.185/010 Jld. 25 (77)

**Pekeliling Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Bilangan 4 Tahun 2022**

**MENERIMA PAKAI HASIL KAJIAN PROJEK PENENTUAN SEMPADAN
KAMPUNG (PSK) DAN HASIL KAJIAN PROJEK PENENTUAN SEMPADAN
BANDAR (PSB) DI DALAM PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN
DAN KAJIAN LAIN YANG BERKAITAN**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Bahagian di PLANMalaysia Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) bagi menerima pakai hasil kajian Penentuan Sempadan Kampung (PSK) dan hasil Kajian Penentuan Sempadan Bandar (PSB) dalam penyediaan rancangan tempatan (RT) dan kajian lain yang berkaitan.

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



LATAR BELAKANG

2. Kajian PSK yang telah dijalankan dari tahun 2019 hingga 2020 bertujuan untuk mengenal pasti dan menandakan sempadan kampung serta lokasi kemudahan awam kampung di 11 negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Pelaksanaan kajian PSK adalah berlandaskan peruntukan **Dasar Perancangan Fizikal (DPF) Desa Negara 2030, Teras 3 Pengukuhan Daya Huni Desa, Strategi DD1.1: Menentukan Sempadan Kampung dan Strategi DD4.1: Menyediakan Kemudahan Awam yang Mencukupi dan Berkualiti** berdasarkan keperluan penduduk.
4. Manakala kajian PSB yang telah disiapkan pada tahun 2021 bertujuan untuk mewujudkan sempadan bandar yang jelas dan dapat dilaksanakan bagi memastikan perancangan serta pengurusan bandar yang mampan dan efektif.
5. Kajian PSB disediakan selaras dengan **strategi dan Tindakan KD2.3A Rancangan Fizikal Negara Ke 3 iaitu Menetapkan Sempadan Pertumbuhan Bandar bagi setiap bandar**. Strategi ini diperincikan dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) menerusi **Tindakan 1.2.1.1, Mengenal pasti Sempadan Bandar Mengikut Definisi DPN2**. Selain itu, kajian ini juga mengikut definisi dan terma Garis Panduan Perancangan (GPP) Sempadan Bandar yang telah disediakan pada tahun 2017.

MENERIMA PAKAI HASIL KAJIAN PSK DAN KAJIAN PSB DI DALAM PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN DAN KAJIAN LAIN YANG BERKAITAN

6. Hasil kajian PSK adalah penting dan dapat membantu agensi pelaksana di peringkat persekutuan, negeri dan daerah untuk:
 - i. Merangka pelaksanaan hala tuju perancangan kampung dengan lebih sistematik dan menepati kehendak setempat berdasarkan potensi dan keunikan setiap kampung;

- ii. Merancang dan membangunkan infrastruktur, kemudahan awam, modal insan dan pertumbuhan ekonomi kampung dengan lebih cekap;
- iii. Menyelaras urusan tadbir, pemantauan dan pengagihan peruntukan pembangunan mengikut keutamaan dan keperluan setempat;
- iv. Melindungi dan mengekalkan kawasan rizab, kawasan sensitif alam sekitar (KSAS), kawasan sumber jaya, kawasan sumber makanan dan aset warisan desa demi generasi akan datang; dan
- v. Mencegah dan mengurus risiko bencana bagi mengurangkan kehilangan harta benda dan nyawa.

7. Hasil kajian PSB dapat membantu Kerajaan Negeri, agensi persekutuan dan PBPT mentadbir dan mengurus bandar dengan lebih baik dan efisien serta menjadi panduan utama bagi:

- i. Sempadan bandar yang seragam;
- ii. Menentukan keutamaan kawasan pembangunan perbandaran;
- iii. Pewartaan sempadan bandar yang baharu; dan
- iv. Merancang, mengurus tadbir bandar, mengawal dan menyelia pembangunan fizikal dalam kawasan sempadan pertumbuhan bandar dari aspek kawalan pembangunan bagi menetapkan kawasan yang boleh dibangunkan dan kawasan yang perlu dipelihara serta mengawal rebakan bandar.

PEMATUHAN

8. Semua Bahagian di PLANMalaysia, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri dan PBPT bertanggung jawab memastikan hasil kajian PSK dan PSB dirujuk dan diterima pakai semasa penyediaan RT dan kajian lain yang berkaitan.

9. Ini adalah selaras dengan fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2B (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang bertanggungjawab untuk menjalankan dan menyelaraskan penyelidikan berkaitan dengan aspek perancangan bandar dan desa serta menyiarkan laporan atau terbitan lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dalam penyediaan RT dan kajian.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di PLANMalaysia, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

2. 12. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 6, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Rancangan Fizikal Negara)
No. Tel : 03-8091 0000
E-mel: alias@planmalaysia.gov.my

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)
Ketua Pengarah, PLANMalaysia

6 September 2022

s. k.

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Pejabat Projek Zon

Semua Pengarah PLANMalaysia Negeri